

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

www.kosmo.com.my

RABU 2 MAC 2016

RM1 BIL: 159 TAHUN 11 PP13809/08/2012 (030437)



Anugerah Bisnes Utusan iktiraf 31 tokoh perniagaan >14



INILAH pesawat Boeing 737 milik Sultan Johor yang selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor kelmarin.



Kapal terbang milik Sultan Johor tiba di Malaysia

KAPAL terbang Boeing 737 milik Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor Bahru petang kelmarin selepas diterbangkan dari Amerika Syarikat. Baginda berada di

lapangan terbang tersebut untuk melihat pesawat berkenaan mendarat pada pukul 1.30 petang. Kosmo! pada Sabtu lalu melaporkan pengguna laman sosial heboh memperkatakan Sultan Ibrahim membeli sebuah pesawat peribadi jenis Boeing 737-800 baharu.

> BERITA DI MUKA 6

Petronas buang 1,000 pekerja >6



Eksklusif

PEMANDANGAN hutan paya bakau di Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang yang pernah menjadi benteng bencana tsunami pada tahun 2004. Ada pihak cuba memusnahkannya.



Hutan bakau benteng tsunami cuba dimusnahkan

WARTAWAN JURUFOTO



LAPORAN MOHD. HAFIZI AHMAD AHMAD ZAINUL ARIFFIN AMIN FARIZ HASAN

- Pemaju kolam ternakan ikan mahu korban alam sekitar di pesisir pantai Pulau Pinang
- Penduduk Penaga, Kepala Batas bakal terdedah kepada ancaman tsunami dan ribut

KIRA-KIRA 20,000 penduduk perkampungan nelayan di Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang dilanda kebimbangan apabila hutan paya bakau seluas 200 hektar di situ yang pernah menjadi benteng bencana tsunami pada tahun 2004 bakal dimusnahkan untuk projek pembinaan kolam penternakan ikan. Tinjauan Kosmo! mendapati, rata-rata penduduk menyifatkan

mereka terselamat daripada bencana tsunami lebih sedekad lalu disebabkan kehadiran hutan paya bakau tersebut yang bersamaan dengan keluasan 500 buah padang bola sepak. Penduduk Kampung Sri Pantai di Penaga, Mohd. Ali Ismail berkata, kewujudan hutan paya bakau berusia puluhan tahun itu berjaya menghalang ombak

tsunami daripada memusnahkan perkampungan nelayan Melayu tradisi tersebut dalam bencana tsunami pada tahun 2004. "Jika tidak, sudah tentu nasib kami akan jadi sama seperti penduduk di Kota Kuala Muda, Kedah yang musnah teruk akibat bencana tsunami kerana ia hanya terletak kira-kira enam kilometer dari Penaga," katanya kepada Kosmo!.



KERATAN Kosmo! 27 Disember 2004.

SUMBER pendapatan nelayan tradisi di Pulau Pinang akan lenyap jika hutan paya bakau dimusnahkan.



> LAPORAN DI MUKA 2 & 3

Kerajaan diminta wartakan kawasan paya bakau Penaga sebagai hutan simpan kekal NGO desak batal projek akuakultur

KEPALA BATAS - Beberapa persatuan pencinta alam menggesa kerajaan negeri Pulau Pinang membatalkan rancangan pelaksanaan projek akuakultur di hutan paya bakau Penaga di sini kerana ia mengancam alam sekitar pesisir pantai serta kehidupan penduduk setempat.

Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), S. M. Mohamed Idris berkata, jika projek itu dilaksanakan ia akan menyebabkan kemusnahan kepada hutan paya bakau, mencemarkan laut, serta mengancam sumber perikanan dan mata pencarian nelayan tempatan.

Katanya, pokok bakau yang ditebang di kawasan itu juga akan menyebabkan penduduk setempat terdedah kepada ancaman bencana alam seperti ribut dan tsunami.

"Projek ternakan udang yang akan diusahakan oleh Persatuan



S.M. MOHAMED



SHARIFFA SABRINA

Penternakan Akuakultur Pulau Pinang (Penkua) itu melibatkan kawasan hutan paya bakau seluas 200 hektar bermula dari Sungai Kuala Bekah di selatan hingga ke Sungai Kuala Muda di utara.

"Kami percaya jika projek ini diteruskan, akan berlaku kesan buruk ke atas alam sekitar dan kehidupan penduduk di kawasan tersebut pada masa akan datang," katanya kepada wartawan *Kosmo!* ketika ditemui baru-baru ini.

Mohamed Idris berkata, dianggarkan hampir 3,000 nelayan pantai di sekitar kawasan berkenaan akan terjejas mata pencarian mereka sekiranya hutan bakau berkenaan dimusnahkan dan laut diancam pencemaran sisa buangan dari kolam udang dan ikan.

Sementara itu, Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) turut melontarkan pandangan senada dengan SAM mengenai projek akuakultur yang mampu memberi implikasi buruk kepada alam sekitar dan penduduk Pulau Pinang.

Presiden Peka, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, kerajaan negeri Pulau Pinang perlu mengambil kira keluasan hutan paya bakau yang masih tinggal di negeri tersebut memandangkan ia penting untuk ekosistem dan nelayan tempatan. "Khazanah alam yang masih ada di Pulau Pinang perlu dilin-



HUTAN paya bakau Penaga di Kepala Batas yang mahu dimusnahkan bukan sahaja bertindak sebagai benteng tsunami, bahkan menjadi habitat pelbagai flora dan fauna.

dungi untuk generasi akan datang kerana apabila ia musnah, tiada apa yang boleh kita lakukan untuk mengembalikannya.

"Cara terbaik adalah dengan mewartakan hutan Paya Bakau Penaga sebagai hutan simpan

kekak bagi membolehkan kerja-kerja memulihara dilakukan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Kebaikannya akan diperoleh semua pihak," ujar Shariffa Sabrina yang merupakan anak jati Pulau Pinang.

Lebih 6 juta pokok bakau ditanam jadi benteng tsunami sejak 2005

KUALA LUMPUR - Kerajaan telah membelanjakan lebih RM85 juta bagi program penanaman pokok bakau serta spesies pokok lain sepanjang tempoh 2005 hingga 2015 untuk aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan pesisir pantai negara khusus sebagai benteng kepada ancaman tsunami.



ABD. RAHMAN

Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Seri Abd. Rahman berkata, sehingga tahun 2014, sejumlah 6.25 juta pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai telah ditanam meliputi kawasan seluas 2,520 hektar.

Beliau berkata, usaha memelihara hutan paya bakau tersebut dimulakan selepas Malaysia dilanda bencana tsunami pada 2014 melalui Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara.

"Selepas kejadian tsunami pada tahun 2004, kerajaan melihat kepentingan untuk mengekalkan hutan paya bakau bagi memastikan peranan penting hutan berkenaan sebagai benteng untuk memecah,



TINJAUAN *Kosmo!* baru-baru ini mendapati hutan paya bakau di Kuala Sepetang, Perak adalah antara paya bakau yang dijaga dengan baik sebagai benteng pemecah ombak dan tsunami.

menahan dan mengurangkan daya kekuatan pukulan ombak dari laut yang sering memukul pantai.

"Selain menjadi pelindung fizikal secara semula jadi kepada pesisiran pantai, hutan paya bakau adalah satu ekosistem unik yang menjadi habitat kepada pelbagai flora dan fauna serta hidupan marin," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Abd. Rahman berkata, pihaknya berhasrat kesukaran untuk melaksanakan program penanaman pokok bakau tersebut kerana kebanyakan hutan paya bakau dan tanah di pesisiran pantai adalah milik kerajaan negeri.

Jumlah kerugian dianggarkan RM67 juta

KEPALA BATAS - Malaysia akan mengalami kerugian lebih RM67 juta dari segi nilai wang sekiranya hutan paya bakau seluas 200 hektar di Penaga di sini dimusnahkan bagi menggantikannya dengan projek akuakultur.

Pensyarah Ekonomi Hutan di Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Awang Noor Abd. Ghani berkata, anggaran kerugian itu melibatkan nilai ekonomi yang boleh disumbangkan hutan tersebut iaitu RM336,746 bagi setiap hektar.

Beliau berkata, nilai ekonomi tersebut melibatkan nilai guna langsung serta tidak langsung seperti bekalan makanan, mata pencarian rezeki nelayan, kayu-kayan, air mentah, kualiti udara, kawalan iklim, hakisan pantai, pengaliran air serta kawalan bencana alam.

"Anggaran kerugian ini menggunakan kaedah pindah nilai faedah melibatkan kajian De Groot pada 2012.

"Sebenarnya kerugian tersebut boleh mencapai angka lebih tinggi kerana terdapat banyak lagi nilai ekonomi perkhidmatan ekosistem yang belum dikaji.

"Oleh itu, kajian lanjut perlulah dijalankan untuk menentukan nilai ekonomi bagi setiap kategori perkhidmatan ekosistem supaya nilai aset hutan paya bakau secara menyeluruh dapat ditentukan," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Awang berkata, nilai keseluruhan ekonomi yang boleh disumbangkan oleh hutan perlu diambil kira dalam menyediakan analisis faedah kos bagi sesuatu projek pembangunan yang mahu dilaksanakan.

"Kajian mengenai nilai ekonomi sesebuah hutan dapat memberikan justifikasi kenapa hutan paya bakau perlu dipulihara dan diurus secara mampan kerana kos sosial yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat masa kini dan akan datang adalah tinggi," ujarnya.



AWANG NOOR

INFO Bencana tsunami 2004

- Sebanyak enam buah negara terjejas teruk akibat tsunami pada 26 Disember 2004 sehingga menyebabkan ratusan ribu kematian.
- Antara negara yang terjejas teruk ialah Indonesia, Sri Lanka, India, Maldives dan Somalia. Malaysia turut menerima tempias tsunami berkenaan.
- Kekuatan gempala yang mencetuskan tsunami ketika itu dianggarkan pada tahap 9.1 sehingga 9.3 pada skala Richter.
- Sebanyak 68 orang terkorban ekoran tsunami di Malaysia iaitu 53 di Pulau Pinang, 10 di Kota Kuala Muda, Kedah, satu di Langkawi, tiga di Perak dan seorang di Selangor.

Jumlah korban tsunami 2004

Indonesia - 130,736	Maldives - 82
Sri Lanka - 35,322	Somalia - 78
India - 12,405	Malaysia - 68
Thailand - 5,395	Myanmar - 61



OMBAK tsunami besar yang membadai Aceh, Indonesia pada tahun 2004 tidak mustahil berulang dan turut berlaku di Pulau Pinang.

Peta lokasi hutan paya bakau Penaga



SEORANG nelayan menunjukkan kawasan hutan paya bakau Penaga. Kepala Batas yang cuba dimusnahkan untuk projek akuakultur dalam tinjauan bersama wartawan Kosmo! di Pulau Pinang baru-baru ini.

Paya bakau Penaga seluas 200 hektar yang jadi benteng tsunami bakal dimusnahkan

Korban ketamakan pembenci hutan



KEPALA BATAS — Kerana ketamakan dan kemarak mengejar kemewahan, sekumpulan individu kini dalam perancangan rakus untuk memusnahkan hutan paya bakau Penaga seluas 200 hektar di sini yang pernah menjadi benteng penghalang bencana tsunami.

Keluasan hutan seluas 200 hektar atau 4,095 meter persegi itu adalah bersamaan dengan kira-kira 500 padang bola sepak.

Kumpulan individu terbabit cuba untuk menyapakan hutan paya bakau itu bagi membolokan projek akuakultur penternakan ikan dan udang dijalankan di situ yang meletakkan Pulau Pinang dalam bahaya ancaman tsunami sebaik sahaja hutan bakau itu dimusnahkan.

Perancangan memusnahkan hutan paya bakau itu boleh menyebabkan lebih 20,000 penduduk di perkampungan nelayan di Penaga di sini hidup dalam kebimbangan kemungkinan kampung mereka turut menerima nasib yang sama seperti penduduk

Kota Kuala Muda, Kedah.

Seorang penduduk di Kampung Sri Pantai di sini, Mohd. Ali Ismail berkata, penduduk di sekitar perkampungan nelayan di Penaga sebelum ini pernah terselamat daripada bencana tsunami pada tahun 2004. Mohd. Ali berkata, ketika bencana tsunami melanda 12 tahun lalu, hanya kawasan jeti dan bot nelayan di Penaga mengalami



MAHADI



MOHD. ALI

kerusakan teruk kerana kewujudan pokok bakau di sepanjang pesisiran pantai di Penaga berjaya memecah ombak tsunami daripada menghempas ke kawasan penempatan.

"Kami sebenarnya terselamat kerana pokok bakau di hutan tersebut telah menghalang ombak besar menghempas ke kawasan perkampungan ketika kejadian tsunami yang berlaku sekitar 12 tahun lalu.

"Jika tidak sudah tentu nasib kami akan jadi sama seperti penduduk di Kota Kuala Muda, Kedah yang musnah teruk dan mengalami 10 kematian," katanya ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini.

Kota Kuala Muda di Kedah terletak cuma kira-kira enam kilometer dari Penaga.

Tambah Mohd. Ali lagi, hutan paya bakau

di pesisiran pantai itu juga berperanan sebagai penghalang angin ribut yang sering melanda di kawasan perkampungan sekitar Penaga.

"Pada pertengahan tahun lalu lebih 40 buah rumah musnah akibat ribut yang berlaku di Penaga. Jika tiada kerana pokok bakau, saya rasa sudah tentu lebih banyak kemusnahan akan dicatatkan," ujarnya.

Katanya, ekoran itulah sebaik kejadian tsunami 2004, kerajaan Persekutuan bertindak menanam lebih banyak pokok bakau di Penaga.

Kosmo! yang menjalankan siasatan di Penaga baru-baru ini difahamkan kerja-kerja perancangan pembangunan dan kajian projek akuakultur itu sudah dimulakan sejak tahun lalu.

Kerja-kerja pembinaan kolam ikan dan udang bagaimanapun dikatakan bakal dilaksanakan awal tahun depan dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2019.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Seberang Perai, Mahadi Md. Rodzi berkata, projek akuakultur tersebut sebenarnya tidak melibatkan penduduk tempatan yang kebanyakannya menjadikan aktiviti menangkap hasil laut sebagai punca rezeki utama.

"Projek ini diberikan kepada Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang

(Penkua). Lebih 95 peratus ahli Penkua adalah orang luar dan bukan penduduk tempatan. Hasil akuakultur itu pula bukan dijual untuk pasaran tempatan, tetapi dieksport ke luar negara.

"Jadi, apa kebaikan kepada penduduk tempatan jika projek ini dijalankan. Bukan saja tempat kami mencari rezeki dimusnahkan, tetapi nasib kami seolah-olah diabaikan terus oleh kerajaan negeri," ujarnya yang merupakan anak jati

Penaga.

Katanya, lebih menyedihkan, ialah kira-kira 3,000 nelayan kecil di sekitar Penaga bakal ke-

hilangan sumber pendapatan sekiranya projek akuakultur dilaksanakan di hutan paya bakau seluas 200 hektar tersebut.



INFOGRAFIK Bagaimana hutan paya bakau Penaga memecah ombak tsunami pada tahun 2004

INFO Hutan paya bakau Penaga

- Keluasan kira-kira 200 hektar.
- Antara tumbuhan bakau yang boleh ditemui di pesisiran pantai hutan bakau itu ialah bakau api-api dan bakau minyak.
- Berhampiran kampung nelayan seperti Kampung Lahar Endin, Penaga, Bakau Tua dan Sungai Tembus.
- Merupakan tanah hak milik kerajaan negeri sebelum ditukarkan di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang.
- Pernah dicadangkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sebagai hutan simpan kekal.

INFO Projek akuakultur di Penaga

- Dicapadangkan oleh Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang (Penkua).
- Anggaran keluasan projek tersebut seluas 193 hektar.
- Kawasan projek terbahagi kepada tiga zon berhampiran Sungai Tembus dan Lahar Endin yang menempatkan jeti nelayan.
- Hutan paya bakau dimusnahkan untuk membuka kolam ikan dan udang serta pembiakan kerang dan ikan air tawar.

Beras JUARA®

"Pilihan Yang Tepat"

Keluasan 100% Bumiputera Islam

Info Solat 22 JAMADILAWAL 1437H

2 MAC 2016

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
K. LUMPUR	6:08	7:23	1:28	4:43	7:29	8:38
SHAH ALAM	6:08	7:23	1:28	4:43	7:29	8:38
SEREMBAN	6:06	7:22	1:26	4:40	7:28	8:37
MELAKA	6:05	7:21	1:26	4:39	7:27	8:36
JOHOR BAHRU	5:59	7:15	1:20	4:32	7:21	8:30
IPOH	6:11	7:25	1:31	4:46	7:31	8:40
P. PINANG	6:14	7:28	1:33	4:49	7:33	8:42
ALOR SETAR	6:14	7:29	1:33	4:49	7:32	8:42
K. TERENGGANU	6:02	7:19	1:22	4:37	7:22	8:31
KOTA BHARU	6:11	7:23	1:26	4:42	7:25	8:30
KUANTAN	6:02	7:19	1:23	4:37	7:23	8:32
KANGAR	6:14	7:31	1:33	4:49	7:32	8:42
TAWAU	5:04	6:20	12:24	3:39	6:24	7:33
KOTA KINABALU	5:11	6:27	12:30	3:46	6:29	7:39
KUCHING	5:34	6:50	12:55	4:07	6:56	8:05
MIRI	5:19	6:35	12:39	3:54	6:39	7:48

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya